



RINGKASAN SOP PKP MKN (DIBENARKAN)

1 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021

PERKARA	PERINCIAN
Senarai Perkhidmatan Perlu Yang Dibenarkan Beroperasi	<ol style="list-style-type: none"> 1) Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan 2) Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan veterinar 3) Air 4) Tenaga 5) Keselamatan (<i>security and safety</i>), pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan 6) Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembedung 7) Pengangkutan melalui darat, air atau udara 8) Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi 9) Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja) 10) Perbankan, insuran, takaful dan pasaran modal 11) Kredit komuniti (pajak gadai sahaja) 12) E-dagang dan teknologi maklumat 13) Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengagihan bahan api dan pelincir 14) Hotel dan penginapan (hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan) 15) Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal 16) Perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar 17) Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu

PERKARA	PERINCIAN
Senarai Perkhidmatan Perlu Mengikut Sektor	<p>A- Pembuatan (Kapasiti 60% pekerja)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Aeroangkasa (komponen dan <i>maintenance, repair and overhaul</i> - MRO) 2) Makanan dan minuman 3) Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan 4) Barang-barang penjagaan diri dan bahan pencuci 5) Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan 6) Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran 7) Komponen bagi peranti perubatan 8) Elektrikal dan Elektronik (kepentingan rantai ekonomi global) 9) Minyak dan gas (<i>Oil and Gas</i>) termasuk petrokimia dan produk petrokimia 10) Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja 11) Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja 12) Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir

PERKARA	PERINCIAN
Senarai Perkhidmatan Perlu Mengikut Sektor	<p data-bbox="606 182 2074 222">B- Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan dan Komoditi (Kapasiti Optima)</p> <ol data-bbox="606 287 2063 376" style="list-style-type: none"><li data-bbox="606 287 1651 327">1) Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya<li data-bbox="606 334 2063 376">2) Perladangan dan komoditi serta rantaianya (kelapa sawit, getah, lada dan koko) <p data-bbox="606 489 856 525">C- Pembinaan</p> <ol data-bbox="606 589 2313 782" style="list-style-type: none"><li data-bbox="606 589 1569 629">1) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal<li data-bbox="606 636 1620 676">2) Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama<li data-bbox="606 684 2313 782">3) Kerja kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ)

PERKARA	PERINCIAN
Senarai Perkhidmatan Perlu Mengikut Sektor	<p>D- Perdagangan Pengeedaran</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kompleks membeli-belah DITUTUP kecuali hanya premis, pasar raya, pasar raya besar dan departmental store yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, mini mart dan restoran untuk bawa pulang dan penghantaran ke rumah. 2) Pasar raya, pasar raya besar, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka dan <i>mini mart</i> serta <i>departmental store</i> dibuka TERHAD kepada seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja, 3) Restoran 4) Dobi (termasuk layan diri) 5) <i>Other Specialty Retail Stores</i> (stesen minyak) 6) Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan 7) Kedai cermin mata dan barang optik 8) Kedai <i>hardware</i> 9) Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti 10) E-dagang (semua kategori produk) 11) Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja) <p>E- Lain- Lain</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu.

PERKARA	PERINCIAN	OPERASI
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan barang keperluan harian 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan dalam radius 10 kilometer dari kediaman
	<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan, ujian saringan, keselamatan atau kecemasan 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan dalam radius 10 kilometer dari kediaman atau ke tempat yang paling hampir dengan kediaman
	<ul style="list-style-type: none"> Urusan kes kematian dan bencana alam 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan dengan kebenaran PDRM
	<ul style="list-style-type: none"> Urusan berkaitan vaksinasi 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan dengan bukti tarikh vaksin
	<ul style="list-style-type: none"> Penjawat Awam 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan hadir ke pejabat kecuali untuk pekhidmatan perlu dengan disertai dokumen arahan rasmi dan pas pekerja.
	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan bencana atau kemanusiaan 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)

PERKARA	PERINCIAN	OPERASI
Kenderaan dan Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> 2 orang termasuk pemandu dalam kenderaan persendirian bagi mendapatkan barang keperluan harian 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan dalam radius 10 kilometer dari kediaman atau ke tempat yang paling hampir dengan kediaman
	<ul style="list-style-type: none"> 3 orang termasuk pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan, keselamatan atau kecemasan 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan dalam radius 10 kilometer dari kediaman atau ke tempat yang paling hampir dengan kediaman
	<ul style="list-style-type: none"> 2 orang termasuk pemandu teksi dan <i>e-hailing</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan
	<ul style="list-style-type: none"> Pelabuhan dan lapangan terbang 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan
	<ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan pengangkutan awam laut dan darat 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan terhad 50% kapasiti kenderaan
	<ul style="list-style-type: none"> Kenderaan membawa pekerja seperti bas pekerja dan van pekerja 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan terhad 50% kapasiti kenderaan
	<ul style="list-style-type: none"> Kenderaan perdagangan dan kenderaan yang membawa barangan perlu (<i>essential</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan tertakluk kepada lesen pendaftaran kenderaan
	<ul style="list-style-type: none"> Kenderaan Jabatan atau Kereta Rasmi Jawatan 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan berdasarkan kapasiti kenderaan

PERKARA	PERINCIAN	OPERASI
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di IPT di bawah kawal selia KPT dilaksanakan secara dalam talian 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan
	<ul style="list-style-type: none"> Menghadiri peperiksaan sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat yang telah ditetapkan oleh badan peperiksaan antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan
	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang menduduki peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di (IPT) 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan
	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang berada di asrama selain di bawah KPM, universiti atau institusi pendidikan agensi lain. 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan berada di asrama, universiti atau institusi pendidikan

PERKARA	PERINCIAN	OPERASI
Perniagaan dan Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Restoran, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan atau kiosk untuk <i>take away</i> dan penghantaran ke rumah • Aktiviti penjualan makanan dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran • Kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai <i>hardware</i> • Kompleks membeli-belah DITUTUP kecuali hanya premis, pasar raya/ pasar raya besar, <i>departmental store</i> yang mempunyai seksyen makanan dan minuman/ keperluan asas, kedai farmasi/ penjagaan diri dan kedai serbaneka/ <i>mini mart</i> untuk <i>take away</i> dan penghantaran ke rumah • Klinik haiwan dan kedai makanan haiwan • Kedai dobi, dobi layan diri dan kedai cermin mata • Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam
	<ul style="list-style-type: none"> • E-Dagang (semua kategori produk) 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan
	<ul style="list-style-type: none"> • Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja) 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan
	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan kesihatan seperti hospital, klinik dan makmal perubatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan beroperasi sehingga 24 jam atau mengikut lesen kebenaran beroperasi
	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai farmasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam

PERKARA	PERINCIAN	OPERASI
Perniagaan dan Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> Pasar harian dan pasar awam 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan beroperasi dari 6.00 pagi hingga 2.00 petang
	<ul style="list-style-type: none"> Pasar Tani Kekal (PTK), <i>MyFarm Outlet</i> (MFO), Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan beroperasi dari 6.00 pagi hingga 4.00 petang
	<ul style="list-style-type: none"> Pasar Segar Terkawal (PST) 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan beroperasi dari 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
	<ul style="list-style-type: none"> Pasar borong 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan beroperasi dari jam 12.01 tengah malam sehingga 6.00 pagi dan 11.00 pagi sehingga 4.00 petang
	<ul style="list-style-type: none"> Stesen minyak 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam
	<ul style="list-style-type: none"> Stesen minyak di lebuhraya bertol 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan beroperasi sehingga 24 jam

PERKARA	PERINCIAN	OPERASI
Operasi Perkhidmatan Awam	<ul style="list-style-type: none"> Sektor Awam 	<ul style="list-style-type: none"> HANYA perkhidmatan <i>frontliners</i>, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan HANYA untuk perkhidmatan perlu dengan kehadiran tidak melebihi 20% pada satu-satu masa
Operasi Perkhidmatan Swasta	<ul style="list-style-type: none"> Sektor Swasta 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan beroperasi dengan keberadaan 60% untuk perkhidmatan perlu termasuk operasi dan pengurusan
Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat secara sidang video 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan
Sektor Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan dan Komoditi	<ul style="list-style-type: none"> Sektor pertanian, perikanan, penternakan, perladangan dan komoditi (kelapa sawit, getah, lada dan koko) 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan

PERKARA	PERINCIAN	OPERASI
Aktiviti Agama Islam	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti solat di masjid dan surau 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan HANYA untuk 12 orang AJK masjid dan surau dengan ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri
	<ul style="list-style-type: none"> Upacara pernikahan (akad nikah) orang Islam 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan HANYA di Jabatan/ Pejabat Agama Islam dengan ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri
	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan pengebumian jenazah orang Islam 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri
Aktiviti Ibadat Selain Islam	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti rumah ibadat selain orang Islam 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan HANYA untuk 12 orang AJK rumah ibadat dengan mengikut ketetapan Kementerian Perpaduan Negara (KPN)
	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan pengebumian selain orang Islam 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan mengikut ketetapan Kementerian Perpaduan Negara (KPN)
	<ul style="list-style-type: none"> Pendaftaran perkahwinan bagi selain orang Islam di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), rumah ibadat dan persatuan agama 	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan mengikut ketetapan pihak JPN

PERKARA	PERINCIAN	OPERASI
Pusat Jagaan Berkediaman	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat jagaan berkediaman atau pusat rehabilitasi bagi kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan pusat jagaan pelbagai 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan di bawah Kementerian, Jabatan atau Agensi berkaitan
Sukan dan Riadah	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal terhadap kepada jogging dan senaman sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 - 3 meter dan dilakukan di kawasan kejiranan sahaja bermula 7.00 pagi sehingga 8.00 malam
Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan dan Ceramah	<ul style="list-style-type: none"> • Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah secara dalam talian 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan